

17/02/2003

Fahami tafsiran cara sebenar hayati Islam

GEORGETOWN: Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, berkata pemikiran Islam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah sangat unik dan menarik.

"Beliau memahami Islam bukan sekadar ad-deen dan a way of life. Kefahaman mengenai Islam tidak akan sempurna tanpa seseorang itu memahami tafsiran sebenar ajaran Islam daripada aspek peranan, kedudukan serta kesannya terhadap diri, masyarakat dan alam sekeliling.

"Dr Mahathir percaya bahawa punca utama masalah yang melanda dunia Islam masa kini ialah kerana kelemahan umat Islam sendiri dan bukannya daripada tekanan pihak luar," katanya.

Abdul Hamid berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pemikiran Islam Dr Mahathir dalam Seminar Pemikiran Dr Mahathir Untuk Generasi Muda di Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown, semalam.

Beliau berkata, pada Dr Mahathir, tidak ada guna Islam ditegakkan tetapi lemah asasnya, termasuk ekonomi dan politik.

Katanya, melaksanakan Islam menurut Perdana Menteri bukan hanya terbatas kepada pelaksanaan hukumnya semata-mata, malah umat dan negara Islam yang ditegakkan mampu mempertahankan diri daripada sebarang serangan dan tekanan musuh Islam.

"Jelaslah, pemikiran Islam Dr Mahathir bukan sesuatu yang mengelirukan atau bersifat sekular, sebaliknya satu bentuk pemikiran Islam yang bersifat rasional, sederhana dan pragmatik.

"Walaupun Dr Mahathir melihat Islam secara rasional, beliau masih merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah serta meneliti latar belakang sejarah Islam sebelum membuat atau memberi sebarang pandangan mengenai Islam," katanya.

Abdul Hamid berkata, dalam mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup berpolitik, Perdana Menteri berpegang kepada prinsip kesederhanaan, toleransi dan pragmatik yang sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang pemimpin Islam dalam sebuah negara berbilang kaum.

"Islam sememangnya agama yang komprehensif dan lengkap. Islam bukan penghalang kepada kemajuan.

"Masyarakat awal Islam terdahulu maju dan kuat kerana memahami ajaran Islam sebenar. Mereka juga berpegang dengan prinsip asas Islam, iaitu bersatu teguh demi kekuatan ummah sejagat.

"Akan tetapi, sikap segelintir umat Islam yang malas berfikir serta menyalahafsirkan ajaran Islam mengikut kepentingan sendiri menyebabkan Islam lemah, umat Islam ditindas manakala dunia Islam pula terus dijajah," katanya.